



**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
(UniSHAMS)**

SOALAN LAZIM

**E-PEMBELAJARAN SEMASA DAN PASCA
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN
ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)**

**FASA 1 : 18 – 31 MAC 2020
FASA 2 : 1 – 14 APRIL 2020
FASA 3 : 15–28 APRIL 2020
FASA 4 : 29 – 12 MEI 2020
FASA 5 : 13 Mei 2020 - 9 Jun 2020**



ISI KANDUNGAN



- MAKSUD E-PEMBELAJARAN
- PELANTAR (PLATRORM) E-PEMBELAJARAN
- JADUAL WAKTU
- BAHAN PENGAJARAN DALAM E-PEMBELAJARAN
- TANGGUNGJAWAB PELAJAR
- TUGASAN PELAJAR
- KEHADIRAN PELAJAR
- PENILAIAN PELAJAR
- TANGGUNGJAWAB STAF





MAKSUD E-PEMBELAJARAN

- Apakah maksud pembelajaran kursus melalui e-Pembelajaran?
- Pembelajaran kursus melalui e-pembelajaran adalah aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dijalankan secara atas talian yang boleh dicapai / digunakan di mana-mana dan bila-bila masa sahaja dengan adanya capaian internet dan boleh diakses melalui komputer, komputer riba, telefon pintar, dan tablet.



Apakah kategori pelaksanaan e-Pembelajaran di UniSHAMS?


Terdapat 2 kategori pelaksanaan e-Pebelajaran di UniSHAMS iaitu memuat naik maklumat kursus dan menyediakan bahan pengajaran & pembelajaran asas.

PELANTAR (PLATFORM) E-PEMBELAJARAN



Apakah pelantar (platform) e-pembelajaran yang sepatutnya staf akademik gunakan di UniSHAMS?

Staf akademik disarankan menggunakan produk Google Education seperti Google Classroom, Google Docs, Google Slides, dan lain-lain lain-lain pelantar yang menyokong kepada google education.




Bolehkah staf akademik menggunakan aplikasi selain daripada Google Classroom (GC)?

Boleh. Tetapi hanya modul dan latihan berkaitan Google Classroom akan diberikan kerana GC merupakan platform e-pembelajaran rasmi UniSHAMS. Walau bagaimanapun staf akademik boleh diberi kelonggaran memilih aplikasi lain yang bersesuaian sebagai platform sokongan kepada pelaksanaan GC.

Bilakah staf akademik perlu memuat naik bahan pengajaran ke dalam pelantar e-Pembelajaran?

Bahan pengajaran perlu dimuat naik (upload) ke dalam pelantar e-Pembelajaran sebelum semester bermula.





JADUAL WAKTU

Setiap semester Jadual Waktu dikeluarkan oleh PPA dan PPSP. Adakah staf akademik masih perlu mengikut jadual waktu tersebut ?

Ya. Walaupun pembelajaran atas talian boleh dilakukan pada bila-bila masa, aktiviti PdP atas talian masih perlu dilakukan mengikut Jadual Waktu rasmi UniSHAMS bagi mengelakkan pertindihan kelas.

CLASS 4-A SCHEDULE NOTES:

Schedule for AY 20...-20...

TIME	MONDAY	TUESDAY	WEDNESDAY	THURSDAY	FRIDAY

University Class Timetable

Week : No.1 - No.20

	Monday	Tuesday	Wednesday	Thursday	Friday	Saturday
Morning	1-2 8:30-10:00 College English Class Face		Python Class Face			
	3-4 8:30-10:00 Math Class Face					
Afternoon	5-6 8:30-10:00					
	7-8 8:30-10:00					
Evening	9-10 8:30-10:00					
Description						

Adakah staf akademik boleh mengubah sendiri Jadual Waktu?

Tidak boleh. Staf akademik perlu memohon dan mendapat kelulusan daripada PPA atau PPSP.

Berapa banyak kelas online yang perlu dijalankan?

PdP atas talian perlu dijalankan sepanjang sesi JUN/2020 mengikut Jadual Waktu yang telah ditetapkan. Sebarang perubahan kepada kaedah konvensional akan dimaklumkan dari masa kesemasa.



BAHAN PENGAJARAN DALAM E - PEMBELAJARAN



Bagaimanakah bentuk bahan pembelajaran kursus melalui e-Pembelajaran di UniSHAMS?

Cara pembelajaran melalui e-pembelajaran adalah dalam bentuk bahan multimedia iaitu mengandungi suara, animasi, gambar, teks dan memerlukan beberapa interaktif daripada pengguna e-pembelajaran.



Apakah bahan yang wajib dimuat naik dalam pelantar e-Pembelajaran?

Pada Tahap 1 Rancangan Mengajar yang perlu dimuat naik manakala pada Tahap 2 Bahan pengajaran yang perlu dimuat naik. Semua dokumen tersebut perlu dibuat Salinan bagi tujuan dokumentasi Fail Kursus untuk lawatan audit MQA.



Berapakah video online yang perlu disediakan oleh staf akademik yang mengajar 3 kursus dalam 1 masa?

Pengajaran secara online tidak semestinya melibatkan video pengajaran. Pelbagai kaedah online boleh digunakan.





Bagaimanakah penyediaan video pengajaran jika team-teaching? Bolehkah satu video perkongsian dibuat untuk semua kumpulan kelas, atau pensyarah masing-masing menyediakan video pengajaran masing-masing? Atau adakah penyelaras kursus yang perlu menyediakannya?

Video perkongsian lebih efisien dan digalakkan jika kumpulan team teaching (termasuk Penyelaras Kursus) membuatnya bersama-sama.

Apakah e-pembelajaran yang boleh digunakan untuk persidangan video?

Pelantar e-pembelajaran yang wajar dipilih adalah seperti Google meet, Zoom, Webex, Microsoft Teams dan lain-lain aplikasi.





GARIS PANDUAN E-PEMBELAJARAN UNTUK PELAJAR

Garis panduan ini menerangkan peranan dan tanggungjawab pelajar dalam penggunaan e-Pembelajaran UniSHAMS sama ada di dalam atau di luar kampus.

I. Bertanggungjawab mendapatkan pengetahuan dan kemahiran berkenaan e-Pembelajaran. (contoh: melalui rundingan bersama staf akademik, hebahan, latihan, dan lain-lain).

II. Menggunakan pelantar e-Pembelajaran (Google Classroom dan lain-lain aplikasi alternatif sebagai sokongan Google Classroom) untuk aktiviti pembelajaran dari semasa ke semasa.

III. Pelajar wajib melawat/ mengakses kursus melalui pelantar e-Pembelajaran (Google Classroom dan lain-lain aplikasi alternatif sebagai sokongan Google Classroom) mengikut jadual waktu yang telah ditetapkan. Kehadiran akan direkodkan.

IV. Pelajar dinasihatkan membaca pengumuman dari semasa ke semasa untuk menyemak sebarang perkembangan/pemberitahuan kursus.

V. Memastikan nota kuliah dan dokumen yang berkaitan boleh dicapai melalui pelantar e-Pembelajaran (Google Classroom dan lain-lain aplikasi alternatif sebagai sokongan Google Classroom). Maklumkan kepada staf akademik yang berkaitan sekiranya bahan pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dicapai.

VI. Memastikan setiap fail yang dimuat naik adalah bebas daripada virus dan unsur plagiat.



TUGASAN PELAJAR



Bagaimanakah tatacara penghantaran tugas oleh pelajar secara atas talian?

Pelajar boleh menghantar tugas yang ditetapkan melalui e-mel, pos dan/atau mana-mana pelantar e-Pembelajaran.

Apakah tindakan pelajar sekiranya terdapat masalah teknikal daripada pihak pelajar (contohnya masalah komputer atau rangkaian) yang menyebabkan pelajar tidak dapat menghantar tugas pada tarikh yang ditetapkan?

Pelajar bertanggungjawab menghubungi staf akademik berkenaan melalui e-mel, dan/atau telefon untuk memaklumkan masalah yang dihadapi. Pihak staf akademik juga perlu sentiasa berkomunikasi dengan pelajar dan berusaha menyelesaikan sebarang masalah berkaitan PdP.





KEHADIRAN PELAJAR

Bagaimanakah kehadiran pelajar direkodkan dalam sistem e-Pembelajaran?

Kehadiran pelajar perlu direkodkan dalam ICMS melalui kaedah QR code yang akan diserahkan oleh Staf Akademik setiap kali kelas. Garis panduan terperinci akan dikeluarkan oleh Pusat Teknologi Maklumat.



Bolehkah kelas secara bersemuka yang kurang daripada 50 orang pelajar dibuat pada sesi JUN/2020?


- Tidak. Semua staf akademik perlu membuat kelas atas talian sahaja.
- Bagi kursus yang berstatus prasyarat, sesi pengukuhan boleh dilaksanakan sewaktu mengikuti kursus pascasyarat di semester berikutnya, tertakluk kepada kesesuaian. Sesi pengukuhan boleh dilaksanakan sewaktu mengikuti kursus pascasyarat di semester berikutnya, tertakluk kepada kesesuaian.

PENILAIAN PELAJAR



Bolehkah remote learning dijalankan sebagai kaedah penilaian pelajar?

Kaedah-kaedah remote learning seperti pembelajaran berbentuk tugas, dan pembelajaran sendiri boleh digunakan mengikut kesesuaian kursus sebagai penilaian pelajar secara e-pembelajaran



Di Semester 2019/Disember, tiada peperiksaan akhir dan digantikan dengan penilaian berterusan (carry marks) disebabkan oleh pelaksanaan PKP. Bagaimana dengan semester 2020/Jun?

Pada prinsipnya Pusat Pemberi Tanggungjawab (PPT) boleh mempertimbangkan perkara ini sekiranya komponen sumatif dalam penilaian berterusan (a) merangkumi sekurang-kurangnya 70% daripada keseluruhan penilaian pelajar DAN (b) telah memenuhi hasil pembelajaran yang ditetapkan. Kursus-kursus yang tidak memenuhi peratusan di atas boleh digabungkan dengan kaedah-kaedah penilaian lain bagi mencukupkan peratusan tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini juga tertakluk kepada kesesuaian bidang pengajian dan pertimbangan badan-badan profesional yang berkaitan.



TANGGUNGJAWAB STAFF AKADEMIK

Apakah tanggungjawab staf akademik dalam pembelajaran atas talian?

1. Melaksanakan e-Pembelajaran secara berkesan bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran.
2. Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas bahan pengajaran yang telah dimuat naik ke pelantar e-Pembelajaran.
3. Memastikan bahan yang dimuat naik ke pelantar e-Pembelajaran tidak melanggar hak cipta, harta intelek atau berunsur plagiat khususnya dalam pelantar terbuka.
4. Memastikan sebarang perkakasan dan aplikasi yang disediakan untuk tujuan e-Pembelajaran di UniSHAMS tidak disalahgunakan untuk tujuan peribadi atau komersil.
5. Memastikan interaksi staf akademik dan pelajar secara dalam talian tidak melanggar peraturan tata tertib atau Dasar Keselamatan ICT UniSHAMS.
6. Berusaha mempelajari bagaimana menjalankan PdP atas talian melalui Youtube dan lain-lain sumber dari internet.
7. Menjalani latihan atau bengkel penggunaan atau aplikasi berkaitan e-Pembelajaran yang dijalankan oleh pihak PJK atau organisasi luar mengikut keperluan.
8. Mematuhi Dasar e-Pembelajaran UniSHAMS dalam sebarang penggunaan e-Pembelajaran.



Dimanakah staf akademik boleh mendapatkan modul-modul berkaitan e-pembelajaran

Berikut adalah link berkaitan Google Classroom yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Staf akademik digalakkan mengambil inisiatif sendiri mempelajari modul-modul tersebut untuk memudahkan aktiviti PdP secara atas talian. Sila Ctrl-Clik di link berikut.

1. Modul 1: e-Pembelajaran

1. Pelantar Digital Learning KPM

2. Kemahiran asas Google Classroom

- Mencipta Kelas Baru di dalam Google Classroom melalui pelantar Digital Learning
- Membina dan menambah bahan pengajaran di dalam Classroom
- Membina penilaian seperti kuiz di dalam Classroom
- Menambah murid ke dalam kelas dan guru sebagai guru kolaborator
- Google Classroom daripada pandangan murid
- Kuiz tentang Google Classroom (Akses guna emel @moe-dl.edu.my)
- 5 langkah untuk merancang e-pembelajaran anda sekarang!
- Susun topik dalam Classroom / 3 Tip untuk mengecilkan topik anda
- Tugas Modul 1 (Bina Google Classroom & Susun Topik, Akses guna emel @moe-dl.edu.my)

Adakah terdapat garis panduan pengubahsuaian aktiviti PdP yang melibatkan pertemuan bersemuka kepada online?

Sila rujuk dalam Garis Panduan E-Pembelajaran (e-Learning) UniSHAMS

Adakah latihan berkaitan e-pembelajaran akan diberikan kepada staf akademik?

Ya, staf akademik akan menerima latihan berkala secara berperingkat.



Modul 2: Pendekatan dalam talian

1. Aplikasi 1: Google Docs



- Membina dan menyunting Google Docs
- Memberi akses Google Docs kepada murid dari Google Classroom
- Fitur Kolaboratif Google Docs
- Fitur 1: Comments
- Fitur 2: Suggesting
- Fitur 3: Tag
- Kuiz tentang Google Docs (Akses guna emel @moe-dl.edu.my)

2. Aplikasi 2: Google Slides

- Mencipta Google Slides daripada Classroom
- Menyunting (edit) Google Slides
- Menggunakan diagram di Google Slides
- Kuiz tentang Google Slides (Akses guna emel @moe-dl.edu.my)

3. Aplikasi 3: Rakam Layar

- Membina rakaman pengajaran
- Kuiz tentang rakam layar (Akses guna emel @moe-dl.edu.my)
- Tugas Modul 2





Modul 3: Elemen Interaktif

1. Google Form sebagai kuiz

2. Jenis Google Form

- Tip tambahan Google Form
- Tetapkan kata laluan
- Menghantar sijil secara automatik
- Membina 'Escape Room'
- Kuiz tentang Google Form (Akses guna emel @moe-dl.edu.my)





"CARA KREATIF MENGGUNAKAN APLIKASI KUIZ ONLINE"



MRFO
ELITE OFFICE

Quizizz dan Kahoot

- Quizizz
 - Daftar untuk Quizizz
 - Hubungkan Google Classroom
 - Hasilkan kuiz dalam Quizizz
 - Berikan kuiz pada murid (Assign)
 - Jejak perkembangan murid
-
- Kahoot!
 - Daftar Kahoot!
 - Bina kuiz Kahoot
 - Kongsikan kuiz kahoot
 - Cara 1: Melalui Game Code
 - Cara 2: Melalui Google Classroom



UniSHAMS : Wadi Kecemerlangan Ummah



Fitur Interaktif Google Slides

- Fitur Interaktif 1: Q&A
- Fitur Interaktif 2: Salinan murid
- Kuiz tentang Google Slides Interaktif (Akses guna emel @moe-dl.edu.my)
- Fitur Interaktif 3: Pear Deck
- Kuiz tentang Pear Deck (Akses guna emel @moe-dl.edu.my)

Get Music from Spotify

to



Google
Slides



4. Penilaian Dalam Talian

1. Penilaian Kolaboratif dalam talian
2. Menanda Google Form
3. Kuiz tentang menanda Google Form
4. Menggunakan rubrik dalam Google Doc
5. Kuiz tentang penggunaan rubrik
6. Gradebook di dalam Google Classroom
7. Kuiz tentang Gradebook (Akses guna emel @moe-dl.edu.my)
8. Tugas Modul 9





Membina persekitaran digital yang positif

1. Prosedur dan rutin kelas
2. Padlet
3. Peraturan dalam Kelas Maya
4. Interaksi dalam talian
5. Tutorial Canva
6. Kuiz tentang Canva (Akses guna emel @moe-dl.edu.my)
7. Google Meet
8. Tugas Modul 3



UniSHAMS : Wadi Kecemerlangan Ummah





**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
(UniSHAMS)**

TERIKA KASIH

**Disediakan oleh:
Jawatankuasa E-Pembelajaran
5 Mei 2020**



UniSHAMS : Wadi Kecemerlangan Ummah